



BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN PERIBADI peSARA-i

PENGAKUAN DAN PERJANJIAN

1. Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat dan dokumen yang diberi adalah benar, tepat, lengkap dan tidak menyembunyikan apa-apa fakta material atau maklumat yang berkaitan dengannya. Pihak Koperasi Tentera berhak untuk menolak permohonan ini jika mendapati maklumat yang diberikan adalah tidak benar/tidak tepat/palsu dan tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kos dan lain-lain yang disebabkan oleh maklumat yang tidak benar/tidak tepat/palsu.
2. Saya dengan ini bersetuju dan berakujanji bahawa: -
 - 2.1. Saya akan mematuhi semua syarat-syarat pembiayaan, Undang-undang Kecil Koperasi Tentera (UUK KT), Aturan-aturan di dalam UUK KT berserta pindaan kepada UUK KT dan pindaan kepada Aturan-aturan di dalam UUK KT dari semasa ke semasa serta arahan-arahan Koperasi Tentera dan penguatkuasa yang mempunyai bidang kuasa terhadap Koperasi Tentera dari semasa ke semasa.
 - 2.2. Koperasi Tentera mempunyai hak mutlak untuk meluluskan atau menolak permohonan saya tanpa menyatakan sebarang alasan.
 - 2.3. Borang permohonan ini dan semua dokumen sokongan yang diserahkan kepada Koperasi Tentera adalah hak milik mutlak Koperasi Tentera dan Koperasi Tentera berhak mengekalkan semua dokumen tanpa mengambil kira sama ada permohonan saya diluluskan ataupun ditolak.
 - 2.4. Saya melantik Koperasi Tentera sebagai wakil saya bagi menyempurnakan Akad Jualan Tangguh dan Akad Belian Tunai berkaitan kemudahan Pembiayaan Peribadi Bai Inah peSARA-i ("Kemudahan").
 - 2.5. Saya akan memastikan bayaran ansuran Kemudahan dilaksanakan dengan sewajarnya mengikut kaedah seperti yang saya pilih di dalam borang permohonan.
 - 2.6. Sekiranya saya gagal menyelesaikan Kemudahan ini dalam tempoh yang ditetapkan, Koperasi Tentera berhak menyelesaikan tunggakan tersebut melalui akaun yuran saya yang dicagarkan kepada Kemudahan ini.
 - 2.7. Saya membenarkan persetujuan untuk maklumat kredit dan baki Kemudahan yang tertunggak dilaporkan kepada pihak agensi pelaporan kredit, dipaparkan kepada pihak pemberi kredit yang lain (seperti bank atau institusi kewangan) dan memberikan kebenaran kepada pihak Koperasi Tentera untuk mendapatkan laporan kredit saya yang terkini sekiranya pembayaran Kemudahan ini tertunggak dan gagal diselesaikan.
 - 2.8. Saya memberi persetujuan kepada pihak agensi pelaporan kredit untuk memaparkan laporan kredit saya kepada pihak Koperasi Tentera, selaras dengan persetujuan saya untuk Koperasi Tentera di bawah perkara 2.7.
 - 2.9. Saya bersetuju bahawa sekiranya saya meninggal dunia tanggungan liabili pembiayaan saya akan diselesaikan melalui yuran terkumpul.
 - 2.10. Saya akan menyelesaikan pembiayaan lama saya dengan Koperasi Tentera, Pembiayaan Jaminan Hutang Terbengkalai dan pembiayaan organisasi luar (jika ada).
 - 2.11. Saya akan terikat dengan Terma dan Syarat yang telah dinyatakan di dalam borang permohonan Kemudahan ini.
 - 2.12. Saya telah membaca, faham dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang telah dinyatakan di dalam borang permohonan Pembiayaan ini dan segala pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa sebelum menerima dan mengambil Kemudahan ini.
3. Saya telah membaca dan memahami Notis Privasi Koperasi Tentera dari laman sesawang www.katmb.com.my dan saya dengan ini bersetuju untuk terikat kepada semua terma dan syarat Notis Privasi Koperasi Tentera tersebut.
4. Saya mengaku telah dimaklumkan, membaca dan memahami tentang keterangan berhubung dengan Lembaran Penzahiran Produk berkaitan dengan Kemudahan yang dipohon di sini.
5. Sila baca, tandatangan dan hantar Terma dan Syarat Permohonan Pembiayaan Peribadi Bai Inah peSARA-i berserta dengan borang permohonan ini.

Tandatangan Pemohon

Tarikh: _____

Tandatangan Saksi

Nama Penuh Saksi: _____

Nombor MyTentera/MyKad: _____

Tarikh: _____

TERMA & SYARAT
PEMBIAYAAN PERIBADI BAI INAH peSARA-i

Kelulusan Kemudahan Pembiayaan Peribadi Bai Inah peSARA-i ("Kemudahan") oleh Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: 3522) ("Koperasi Tentera") kepada Anggota adalah tertakluk kepada terma dan syarat ("Terma dan Syarat") ini yang telah dimaklumkan kepada Anggota semasa permohonan Kemudahan dibuat. Terma dan Syarat ini akan mengikat Anggota serta-merta sebaik sahaja Kemudahan diluluskan oleh Koperasi Tentera.

Tafsiran

1. Terma dan Syarat ini, bersama dengan lain-lain dokumen berkenaan dengan mana-mana akaun simpanan Anggota yang dibuka dan dikekalkan dengan Koperasi Tentera membentuk satu perjanjian yang menetapkan Terma dan Syarat berkaitan Kemudahan ini.
2. Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini adalah sebagai tambahan dan bukannya gantian atau pengurangan terhadap mana-mana terma dan syarat lain yang mengikat Anggota dari semasa ke semasa.

Konsep Syariah

3. Kemudahan ini menggunakan konsep Bai Al-'Inah yang melibatkan urus niaga jual beli di mana Koperasi Tentera akan menjual aset kepada Anggota secara pembayaran tertangguh dan membelinya semula secara tunai pada harga yang lebih rendah daripada harga jualan yang tertangguh tersebut.

Kelayakan Anggota

4. Kemudahan ini tersedia untuk semua Anggota yang telah bersara sebagai anggota tentera atau kakitangan awam Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMENTAH) tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Koperasi Tentera (UUK KT), Aturan-Aturan Am Pembiayaan dan Aturan-aturan Pembiayaan berlandaskan Syariah bagi Kemudahan Peribadi Bai Inah peSARA-i di dalam UUK KT beserta pindaannya dan arahan Koperasi Tentera dari semasa ke semasa.

Kemudahan

5. Syarat-syarat Kemudahan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam Aturan-aturan Am Pembiayaan dan Aturan-aturan Pembiayaan Peribadi Bai Inah di dalam UUK KT beserta pindaannya dan arahan dari Koperasi Tentera dari semasa ke semasa.
6. Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi Tentera ini bukanlah merupakan hak tetapi merupakan satu perkhidmatan kepada Anggota.

Permohonan Kemudahan Pembiayaan

7. a) Permohonan bagi Kemudahan ini adalah melalui Borang Permohonan yang lengkap di atas oleh Anggota bersama dokumen-dokumen tambahan yang diperlukan oleh Koperasi Tentera bagi proses penilaian dan kelulusan. Melalui Borang Permohonan yang dikeluarkan oleh Koperasi Tentera, Anggota dengan ini bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini. Sebarang kelulusan berhubung dengan permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Koperasi Tentera.
b) Setiap permohonan yang diterima tidak boleh ditarik balik atau dibatalkan setelah pengeluaran Kemudahan dilakukan oleh Koperasi Tentera.
c) Dengan mengisi dan menyerahkan borang Kemudahan ini, Anggota dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat rasmi yang terkandung di dalam ini, termasuklah keputusan yang dibuat oleh pihak Koperasi Tentera yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.

Kelulusan Kemudahan

8. Amaun Kemudahan pembiayaan yang diluluskan adalah berdasarkan kepada penilaian kredit oleh Koperasi Tentera atau baki akaun yuran terkumpul yang belum dicagar untuk lain-lain pembiayaan.
9. Kelulusan Kemudahan adalah tertakluk kepada pelaksanaan, penyampaian dan penyempurnaan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Koperasi Tentera. Koperasi Tentera berhak menolak permohonan Kemudahan tanpa perlu memberi sebarang alasan. Koperasi Tentera juga berhak meluluskan Kemudahan pada jumlah pembiayaan, kadar keuntungan dan tempoh pembiayaan yang mungkin berbeza daripada jumlah, kadar keuntungan dan tempoh pembiayaan yang dipohon oleh Anggota tanpa sebarang notis.
10. Anggota dengan ini memperakui bahawa penerimaan permohonan Kemudahan tersebut telah disempurnakan sebaik sahaja Koperasi Tentera mengkreditkan jumlah Kemudahan yang diluluskan ke dalam akaun yang ditetapkan oleh Anggota tanpa mengambil kira jumlah Kemudahan dalam akaun tersebut tidak digunakan.
11. Sebarang perubahan kepada jumlah Kemudahan dan/atau tempoh ansuran yang dipohon dan seterusnya diluluskan tidak akan memberi kesan kepada kesahihan Terma dan Syarat dan Anggota dianggap telah menerima jumlah wang Kemudahan seperti yang diluluskan oleh Koperasi Tentera.
12. Anggota memahami dan bersetuju untuk menerima tawaran Koperasi Tentera dengan nyata atau melalui kelakuan dengan menggunakan Kemudahan yang ditawarkan oleh Koperasi Tentera yang telah dikreditkan ke akaun yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan.

Cagaran Akaun Yuran

13. Jumlah pembiayaan yang diluluskan untuk kemudahan ini bergantung kepada jumlah yuran terkumpul Anggota yang dicagarkan.
14. Hanya sembilan puluh peratus (90%) daripada jumlah baki akaun yuran yang belum bercagar layak untuk dicagarkan bagi permohonan Kemudahan ini atau maksimum RM 200,000.00 sahaja.
15. Jumlah yuran yang dicagar tersebut dikecualikan bagi penerimaan dividen sehingga Kemudahan ini diselesaikan sepenuhnya oleh Anggota.
16. Koperasi Tentera berhak menyelesaikan Kemudahan yang tertunggak menggunakan cagaran yuran tersebut sekiranya berlaku keingkaran. Yuran yang digunakan bagi tujuan tersebut tidak boleh ditambah kembali ke dalam akaun yuran sedia ada.

Fi, Caj dan Duti Setem

17. Segala perbelanjaan termasuk fi dan caj berkaitan termasuk bagi penyediaan dan penyempurnaan dokumentasi, caj perkhidmatan serta bayaran duti setem berhubung dengan Kemudahan ini akan ditanggung oleh Anggota dan akan ditolak daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh Koperasi Tentera yang diterima Anggota.

Pelantikan Agensi/Wakil

18. Anggota dengan ini melantik staf Koperasi Tentera sebagai wakilnya untuk menyempurnakan Akad Jualan Tangguh dan Akad Belian Tunai berkaitan dengan Kemudahan ini.

Ta'widh ("Caj Lewat Bayaran")

19. Anggota bersetuju bahawa Koperasi Tentera berhak mengadakan dan menuntut ganti rugi daripada Anggota ke atas kerugian sebenar yang di alami oleh Koperasi Tentera akibat Anggota lewat/enggan membayar ansuran pembiayaan yang telah diterima dan diakui oleh Anggota atau apa-apa arahan bayaran tertunggak yang akan dibayar kepada Koperasi Tentera berdasarkan kepada kiraan di dalam Lembaran Penzahiran Produk.

Bayaran

20. Anggota bersetuju untuk memastikan bayaran balik Kemudahan akan dilakukan dengan sewajarnya berdasarkan pilihan pembayaran yang telah dinyatakan di dalam Borang Permohonan ini, sehingga pembayaran Kemudahan selesai.
21. Sekiranya Anggota gagal berbuat demikian, jumlah tunggakan mahupun jumlah penyelesaian Kemudahan akan diselesaikan daripada akaun yuran Anggota.

Kejadian Ingkar

22. Koperasi Tentera mempunyai budi bicara mutlak untuk menamatkan Kemudahan dan/atau menuntut bayaran penuh daripada Anggota dalam tempoh masa (mengikut bilangan hari yang tertera di dalam polisi Koperasi Tentera sedia ada), sekiranya berlaku sesuatu kejadian atau kejadian-kejadian ingkar termasuk tetapi tidak terhad kepada kejadian seperti yang berikut:
- a) Ingkar dalam membayar ansuran atau bayaran wang lain apabila telah sampai tempoh masanya dan perlu dibayar sama ada dituntut secara rasmi atau tidak;
 - b) Perintah Kebankrapan dikeluarkan terhadap Anggota;
 - c) Sekiranya Anggota hilang kewarasan atau meninggal dunia;
 - d) Anggota membekalkan maklumat/data palsu kepada Koperasi Tentera;
 - e) Perubahan dalam mana-mana undang-undang atau perubahan yang menyebabkan ianya menjadi satu kesalahan kepada Koperasi Tentera untuk terus menyediakan Kemudahan ini kepada Anggota; dan
 - f) Jika berlaku keadaan yang pada pendapat Koperasi Tentera, Anggota tidak dapat menjelaskan jumlah keberhutangan mengikut Terma dan Syarat yang dipersetujui.
23. Anggota dengan ini bersetuju untuk menjelaskan sebahagian atau keseluruhan jaminan pembiayaan terbenkakai (jika ada) dari pembiayaan baharu ini tanpa bantahan mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi Tentera.
24. Anggota juga bersetuju membenarkan Koperasi Tentera menyelesaikan bayaran tertunggak Kemudahan melalui yuran terkumpul yang telah dicagarkan akibat daripada kejadian-kejadian ingkar yang dinyatakan di Perkara 21.

Keingkaran Bersilang

25. Anggota dengan ini bersetuju bahawa sekiranya berlaku keingkaran oleh Anggota ke atas terma, syarat dan ketetapan di dalam mana-mana perjanjian kemudahan kredit atau lain-lain akaun pembiayaan di Koperasi Tentera, Anggota dianggap sebagai telah melakukan suatu keingkaran. Justeru, Koperasi Tentera mempunyai hak untuk menganggap bahawa Kemudahan ini serta semua wang yang perlu dibayar di bawah akaun-akaun lain atau perjanjian kemudahan kredit yang lain di Koperasi Tentera sebagai telah tertunggak.
26. Apabila keingkaran ini berlaku, Koperasi Tentera berhak untuk menuntut Anggota membayar segala jumlah keberhutangan tersebut termasuk kos-kos yang terlibat seperti yang telah ditetapkan. Koperasi Tentera juga berhak untuk menarik balik atau membatalkan Kemudahan ini atau pembiayaan bagi mana-mana akaun pembiayaan atau perjanjian kemudahan kredit lain di Koperasi Tentera.

Pendedahan

27. Anggota faham bahawa sebarang data peribadi yang didedahkan kepada Koperasi Tentera sama ada secara lisan atau melalui Borang Permohonan serta mana-mana dokumen yang dilampirkan bersama Borang Permohonan, akan dikumpul, digunakan, disimpan dan (sekiranya ada keperluan undang-undang atau keperluan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan Koperasi Tentera) didedahkan oleh Koperasi Tentera menurut ketetapan yang dinyatakan di dalam Notis Privasi Koperasi Tentera yang mana kandungan Notis Privasi tersebut telah dimaklumkan dan dipersetujui oleh Anggota. Anggota dinasihatkan untuk melayari laman sesawang www.katmb.com.my untuk meneliti kandungan Notis Privasi tersebut.
28. Anggota bersetuju bahawa apa-apa perjanjian, pengesahan, perisytiharan, persetujuan atau akujanji yang diberikan oleh Anggota secara lisan atau/oleh sebarang kaedah telekomunikasi atau elektronik adalah sah dan mengikat Anggota.

Hak Untuk Menolak/Memindahkan Wang daripada Akaun Simpanan dan Akaun Yuran

29. Koperasi Tentera boleh pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak dan tanpa memberi alasan kepada Anggota dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar sebelumnya kepada Anggota berkenaan tindakannya untuk menolak dan memindahkan sebarang wang yang ada di dalam Akaun Simpanan dan Akaun Yuran Anggota dengan Koperasi Tentera dalam apa-apa deskripsi atau tanpa mengambil kira di mana kedudukannya untuk tujuan mengurangkan dan/atau menjelaskan sebarang jumlah atau tunggakan Kemudahan yang kena dibayar kepada Koperasi Tentera mengikut terma dan syarat di sini.

Pindaan Terma dan Syarat

30. Penggunaan Kemudahan adalah tertakluk kepada Terma yang dinyatakan di sini. Koperasi Tentera berhak pada bila-bila masa menambah, meminda, memadamkan, memperbaiki, mengubah atau menukar kesemua atau mana-mana Terma atau menggantikan keseluruhan atau sebahagian Kemudahan kepada suatu skim yang lain, sama ada yang serupa atau sebaliknya atau menarik balik kesemuanya sama sekali selagi mana mematuhi Syariah dan dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum menambah, meminda, memadamkan, memperbaiki, mengubah atau menukar kesemua atau mana-mana Terma atau menggantikan keseluruhan atau sebahagian Kemudahan kepada suatu skim yang lain, di laman web Koperasi Tentera atau mana-mana kaedah yang dianggap wajar oleh Koperasi Tentera.

Penyerahan Proses Undang-undang

31. Semua Pihak dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang proses undang-undang/proses tuntutan di Tribunal mengenai apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini dikuatkuasakan melalui penyerahan sesalinannya secara pos berdaftar prabayar ke alamat-alamat Anggota yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau ke alamat-alamat lain yang dimaklumkan oleh Anggota kepada Koperasi Tentera dari semasa ke semasa. Penyerahan ini dianggap sempurna selepas lima (5) hari kalendar dari tarikh ianya diposkan.

Tanggungan Rugi

32. Koperasi Tentera tidak akan bertanggungjawab ke atas dan menidakkan kesemua liabiliti terhadap sebarang tindakan, tuntutan, kerugian, bayaran lewat, kos, caj dan perbelanjaan yang mana Anggota mungkin tanggung, alami atau terbabat akibat dari penglibatannya di dalam Kemudahan ini.
33. Anggota hendaklah pada setiap masa menanggung rugi Koperasi Tentera terhadap segala tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk segala kos perundangan di atas dasar peguam dan anak guam) pada bila-bila masa oleh dan/atau disebabkan mana-mana pihak terhadap Koperasi Tentera sekiranya berlaku perkara-perkara kemungkiran dalam Terma dan Syarat ini oleh Anggota melainkan tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan dan perbelanjaan tersebut timbul adalah disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian ataupun penipuan oleh pihak Koperasi Tentera.

Undang-undang Terpakai

34. Kemudahan akan tertakluk dan ditafsirkan mengikut Undang-undang Malaysia dan pihak di sini dengan ini bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah Malaysia atau bidang kuasa kompeten mahkamah-mahkamah lain atau Tribunal yang mana Koperasi Tentera boleh atas budi bicara mutlaknya memilih dan seterusnya bersetuju bahawa penyampaian proses undang-undang boleh dilaksanakan mengikut cara yang dinyatakan di sini.

Tujuan kegunaan Kemudahan

35. Anggota akan menggunakan Kemudahan yang ditawarkan untuk tujuan yang bermanfaat seperti yang telah termaktub di dalam UUK KT dan tidak boleh digunakan dalam apa jua/atau untuk perkara-perkara yang memudaratkan serta menyalahi Undang-Undang Malaysia.

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001

36. Anggota tidak dibenarkan untuk menggunakan wang Kemudahan untuk aktiviti-aktiviti haram sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.
37. Anggota memberi jaminan bahawa semua wang yang dibayar kepada Koperasi Tentera adalah disediakan atau diperolehi dari sumber aktiviti-aktiviti yang sah dan bukannya dari aktiviti yang menyalahi undang-undang sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Tandatangan Anggota :

Nama :

Nombor MyKad :

Tarikh :

Cap Jari Kiri/Kanan

